

**JAMPOK KUBUR**  
Barn Owl

FAMILI: Tytonidae  
NAMA SAINTIFIK: *Tyto alba*



**CIRI-CIRI**

Individu dewasa mempunyai saiz yang sederhana besar. Bahagian atas badan berwarna kuning pucat kekelabuan yang pudar, dengan jalur-jalur berwarna kuning pucat keemasan serta terdapat tompok-tompok berwarna putih dan hitam. Ia mempunyai bahagian muka yang rata berbentuk seperti cakera dan berwarna pudar. Bahagian bawah badan pula berwarna kuning pucat keputihan serta terdapat tompok-tompok kehitaman. Bahagian ekor berwarna kuning pucat keemasan dengan jalur berwarna gelap dan kelabu.

**SAIZ**

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 34-36 sm.

**MAKANAN**

Burung-burung kecil, mamalia kecil, serangga, invertebrata, amfibia, reptilia dan ikan.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan semak dan belukar, kawasan terbuka, kawasan berpaya dan berlumpur, kawasan pertanian serta di kawasan-kawasan yang membangun, pada ketinggian sehingga ke 1,220 m dari aras laut.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi yang seram dan garau, seakan-akan menjerit serta berdesir.

**TABIAT**

Biasa dilihat terbang mencari makan di waktu tengah malam di kawasan pertanian, secara sendiri atau berpasangan.

**PEMBIAKAN**

Spesies ini membiak sepanjang tahun di mana sarang dibina di atas permukaan bumbung bangunan atau di kawasan batu kapur dan kadangkala di dalam lubang di kawasan tebing dan pokok. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 4-7 biji berwarna putih dan berukuran kira-kira 40.7x32.5 mm

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.